

Headline	NS mula tampak garang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	138,805
Page No	49	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	106 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,859
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,577



NS mula tampak garang

Seremban: Dua kemenangan berturut-turut Negeri Sembilan, mengatasi UiTM FC pada 28 Mac lalu di gelanggang sendiri dan Perlis di Stadium Darul Aman, Jumaat lalu memberi petanda positif terhadap kebangkitan skuad Hobin Jang Hobin.

Pengurus pasukan, Datuk Abdul Ghani Hasan berkata, biarpun persiapan pasukan ketika ini sedikit terjejas selepas penyerang, Jean-Emmanuel Effa Owona terpaksa berehat sebulan kerana kecederaan, pemain yang ada berjaya memastikan pasukan mampu mengutip mata penuh dalam dua perlawanan itu.

Katanya, kemenangan itu harus membangkitkan lagi semangat dan komitmen pemain untuk terus memberikan persembahan terbaik ketika saingan pusingan kedua bermula bertemu Perlis pada 11 April ini.

"Saya puas hati dengan dua kemenangan berturut-turut dicapai pasukan tapi kita perlu meningkatkan lagi prestasi ke-

rana saingan pusingan kedua dijangka lebih mencabar.

"Tanpa kelibat Effa-Owona jelas memberi kesan biarpun Kim Jin Ryong boleh dijadikan sandaran.

"Ini cabaran yang perlu kita hadapi tetapi hakikatnya Negeri Sembilan perlu mengejar dan memintas pasukan yang berada di tangga teratas.

"Ini bagi memastikan kita tidak terlepas untuk mendapat tempat ke saingan Liga Super musim depan," katanya semalam.

Sehubungan itu, beliau sudah berbincang dengan ketua jurulatih, V Sundramoorthy dan mengarahkan pengendali berkenaan memberikan tumpuan kepada usaha memantapkan jentera serangan.

Abdul Ghani berkata, kelemahan masih ketara di bahagian depan kerana walaupun pemain berjaya mencipta banyak peluang di depan pintu gol lawan, tetapi gagal direalisasikan dengan jaringannya. — **Oleh Mohd Amin Jalil**